

## **Konsep Pengurusan Harta Berlandaskan Syarak**

Pengurusan harta dalam Islam merangkumi mekanisme pengurusan harta yang teratur untuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Secara amnya, harta (mal) dikenali sebagai sesuatu yang dimiliki individu dalam bentuk barang atau manfaat.

Fuqaha daripada mazhab Hanafi mendefinisikan harta sebagai suatu yang diperlukan manusia dan bersifat tahan lama. Fuqaha dari mazhab Syafie dan Hanbali pula berpendapat bahawa harta merujuk kepada sesuatu yang mempunyai nilai komersial sama ada berbentuk barang atau manfaat dan boleh dikenakan ganti rugi sekiranya ia dicerobohi.

Oleh itu, bagi menentukan sesuatu itu dianggap sebagai harta, ia perlu memenuhi beberapa syarat seperti mempunyai nilai sama ada dalam bentuk fizikal atau manfaat, halal dan tidak najis menurut syarak serta boleh dimiliki. Sekiranya ia tidak memenuhi kehendak tersebut, maka ia tidak dianggap sebagai harta daripada pandangan syarak.

Justeru, sesuatu yang tidak boleh dimiliki dan dikawal seperti ikan yang masih di laut atau burung di udara adalah tidak dianggap sebagai harta.

### **Perolehan harta**

Dalam pengurusan harta mengikut syarak, perkara yang paling menjadi keutamaan adalah mengenai asal usul atau sumber pemerolehan sesuatu harta tersebut sama ada ia melalui cara yang dibenarkan syarak ataupun tidak.

Dalam hal ini, Islam menegaskan bahawa sumber harta harus berasal daripada sumber yang halal, sama ada melalui hasil pendapatan, simpanan mahupun warisan. Ini dapat dibuktikan tentang peri pentingnya mengetahui status harta tersebut sebagaimana disebut dalam hadis Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Orang yang paling dirundung penyesalan di hari kiamat ialah orang yang memperoleh harta daripada sumber yang tidak halal lalu menyebabkannya masuk neraka." (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Sementara itu, hasil sumber harta yang tidak halal mempunyai elemen-elemen haram seperti faedah (riba), urus niaga spekulatif (gharar), rasuah, perjudian (maysir) dan penyele-wengan (ghulul).

Sesiapa yang memperoleh harta melalui cara yang tidak patuh syariah akan hilang keberkatan hidupnya. Ini dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Bakar yang bermaksud:

"Tidak akan masuk ke dalam syurga daging yang tumbuh daripada sumber wang yang haram, maka nerakah yang layak baginya." (Riwayat Imam Ahmad dalam musnadnya).

Terdapat riwayat yang lain bermaksud: "Tidak akan masuk syurga tubuh badan yang membesar dengan sumber yang haram." (Riwayat al-Khatib al-Tabriziy dalam Miyskah al-Masabih).

Hadis ini bermaksud bahawa tubuh badan atau daging yang membesar bersumberkan pendapatan yang haram, maka tempatnya di akhirat kelak adalah di neraka.

Ini kerana Allah SWT mengharamkan setiap perkara yang kotor dan sumber pendapatan yang haram tetapi memerintahkan umat Islam supaya memakan perkara yang baik lagi jelas status halalnya.

Di samping itu, Islam juga menekankan dalam pengurusan harta tentang soal perbelanjaan. Perbelanjaan harta berlandaskan syarak boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu perbelanjaan wajib dan perbelanjaan sunat.

Perbelanjaan wajib merangkumi nafkah seperti seorang suami kepada isteri, anak-anak dan ibu bapa mereka.

Harta juga wajib disalurkan melalui zakat bagi setiap Muslim yang berkemampuan. Ia merangkumi zakat harta benda atau zakat fitrah.

### **Pengembangan harta**

Selain itu, perbelanjaan wajib juga merangkumi kewajipan yang perlu dibayar dalam Islam seperti kewajipan rakyat berkemampuan dalam membayar cukai pendapatan.

Perbelanjaan sunat pula merangkumi perbelanjaan harta melalui cara yang tidak diwajibkan kepada Muslim tetapi amat digalakkan seperti menggunakan instrumen-instrumen seperti wasiat, wakaf, sedekah, hibah dan sebagainya.

Di samping itu, umat Islam juga digalakkan mengembangkan harta melalui aktiviti pelaburan yang patuh syariah. Ini selari dengan amalan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan Khulafa al-Rasyidin yang melabur dengan mengembangkan harta-harta zakat seperti unta, lembu dan kambing memandangkan haiwan tersebut mempunyai potensi yang baik dalam pembiakan dan perkembangan.

Pada masa kini, banyak institusi perbankan Islam yang menawarkan produk-produk pelaburan yang patuh syariah seperti aktiviti pelaburan yang berdasarkan mudharabah dan musyarakah yang boleh digunakan.

Pengurusan harta berlandaskan syarak boleh dilaksanakan melalui institusi-institusi kewangan Islam seperti Majlis Agama Islam Negeri yang menguruskan zakat, wakaf, harta pusaka dan wasiat. Selain itu, perbankan Islam juga membantu dalam pengurusan harta berlandaskan syarak seperti mudharabah, wadiah, musyarakah, qard dan sebagainya.

Kesimpulannya, walaupun Islam mengiktiraf harta sebagai keperluan individu, manusia tidak memilikinya secara mutlak kerana ia adalah milik mutlak Allah.

Oleh itu, Islam menyediakan beberapa mekanisme dan instrumen di dalam pengurusan harta yang berlandaskan syarak.

Justeru, hasil daripada pengurusan harta secara berkesan akan dapat meningkatkan pembangunan ummah serta membasmi kemiskinan.

Ini juga dapat memastikan keberkatan harta juga terjamin apabila pendapatan dan perbelanjaan harta diuruskan dengan cara yang berlandaskan syarak.

Artikel

Penuh: <http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0904&pub=Kosmo&sec=Varia>

[&pg=va\\_03.htm#ixzz3OZWrJDmy](#)

Hakcipta terpelihara